

[SEKATAN SEHINGGA 17:01, 3 April 2017]



KENYATAAN AKHBAR

Tarikh: 3 April 2017

Pelantikan Perunding Rekabentuk Rujukan ("*Reference Design Consultant*") untuk Projek Keretapi Berkelajuan Tinggi Kuala Lumpur – Singapura

MyHSR Corporation Sdn Bhd ('MyHSR') Malaysia telah melantik Perunding Rekabentuk Rujukan (*Reference Design Consultant* - RDC) bagi Projek Keretapi Berkelajuan Tinggi (*High Speed Rail* - HSR) dari Kuala Lumpur ke Singapura baru-baru ini. Perunding yang dilantik bertanggungjawab untuk menyediakan reka bentuk rujukan bagi infrastruktur sivil dan tujuh (7) buah stesen di Malaysia.

Pelaksanaan tender RDC ini adalah melalui proses tender terbuka antarabangsa yang bermula pada Ogos 2016. Tender ini berjaya menarik minat pasaran dan telah menerima penyertaan daripada syarikat-syarikat perunding kejuruteraan tempatan serta antarabangsa.

Mohd Nur Ismal Mohamed Kamal, Ketua Pegawai Eksekutif MyHSR berkata: "Tender kontrak RDC merupakan langkah seterusnya bagi fasa pembangun projek. Perunding yang dilantik bertanggungjawab melaksanakan kerja reka bentuk stesen dan infrastruktur sivil, seperti jambatan dan terowong HSR. Pelaksanaan kerja-kerja reka bentuk ini telah dibahagikan kepada enam (6) pakej, bagi keseluruhan jajaran HSR yang berukuran kira-kira 335km. Ini membolehkan MyHSR melantik perunding kejuruteraan khusus yang pakar dalam bidang-bidang yang diperlukan. Saya amat berpuas hati kerana perunding yang dilantik terdiri daripada perunding antarabangsa dan domestik yang berpengalaman."

Perunding yang dilantik bagi kerja-kerja RDC melalui 6 tender adalah Systra S.A., Jacobs Engineering Services Sdn. Bhd., Ranhill Consulting Sdn. Bhd., HSS Integrated Sdn. Bhd. dan AECOM Perunding Sdn. Bhd. Skop RDC melibatkan kerja-kerja reka bentuk stesen antarabangsa di Bandar Malaysia dan Iskandar Puteri, lima (5) stesen domestik di Putrajaya, Seremban, Melaka, Muar, dan Batu Pahat, serta kerja-kerja sivil jajaran dari Kuala Lumpur (Bandar Malaysia) ke sempadan antarabangsa Malaysia – Singapura di Selat Johor.

[SEKATAN SEHINGGA 17:01, 3 April 2017]



Mengenai Keretapi Berkelajuan Tinggi (*High Speed Rail – HSR*) Kuala Lumpur-Singapore

Kuala Lumpur-Singapura HSR adalah sebuah projek strategik di antara Kerajaan Malaysia dan Singapura, yang bertujuan memberikan kemudahan masa perjalanan 90 minit dari Kuala Lumpur ke Singapura. Projek ini dijangka dapat meningkatkan lagi rangkaian perniagaan dan menghubungkan rakyat kedua-dua buah negara dengan lebih dekat. Kerajaan kedua-dua buah negara telah menandatangani Perjanjian Dua Hala pada 13 Disember 2016 yang merangkumi perkara utama persetujuan terhadap projek; termasuklah parameter-parameter teknikal, model komersial, kastam, imigresen dan pelepasan kuarantin, aspek-aspek keselamatan, rangka kerja pengawalseliaan dan pendekatan berhubung pengurusan projek.

Kerajaan Malaysia dan Singapura juga telah melantik MyHSR dan LTA, Singapura untuk melaksanakan projek HSR sebagai sebahagian daripada fasa seterusnya dalam penyediaan projek.

Mengenai MyHSR

MyHSR Corporation adalah sebuah Syarikat Bertujuan Khas (Special Purpose Vehicle – SPV) bagi projek HSR Kuala Lumpur-Singapura, yang dimiliki sepenuhnya oleh Menteri Kewangan Diperbadankan. MyHSR juga merupakan ejen pelaksana projek HSR bagi pihak Kerajaan Malaysia. MyHSR telah membantu Kerajaan dalam usaha merekabentuk struktur pelaksanaan projek seperti unsur-unsur komersial dan teknikal projek Kuala Lumpur – Singapura HSR.

Untuk pertanyaan media, sila hubungi:

MyHSR Corporation:

Lee Yip Cheong

Komunikasi Korporat

Tel : +603-2718 4345 Email : yipcheong@myhsr.com.my

Di keluarkan oleh: MyHSR Corporation Sdn Bhd